

Menyulam Emosi dalam Puisi

P lato menyatakan bahawa emosi yang dihasilkan daripada respons seseorang terhadap puisi terletak pada peringkat yang paling rendah. Menurutnya, tindak balas seseorang pembaca yang terbaik ialah hasil daripada taakulannya (*reasoning*). Jack dalam artikelnya berjudul “Poetry and Emotion” (2018) menolak hal ini kerana padanya, puisi juga perlu dilihat dari sisi emosi. Menurut Galensime, emosi menyebabkan seseorang teraspirasi dan memberikan tindak balas pada rasa yang merangsangnya. Pernyataan ini menghasilkan dua sisi pandangan yang berbeza dalam kalangan penulis, iaitu sama ada menyelitkan elemen emosi secara langsung mahupun terus menghilangkan emosi dan menyajikan pentaakulan yang mendalam dalam sesebuah puisi.

Meskipun terdapat pandangan bahawa sesebuah puisi yang dihasilkan tidak semestinya perlu menyelitkan rasa dan emosi, namun pemilihan kata yang tepat dengan susunan yang baik mampu membawakan rasa dan emosi yang tertentu kepada sesebuah puisi. Tidak kisahlah jika emosi berkenaan merupakan sesuatu yang diingini oleh penulis itu (atau sebaliknya), puisi tidak boleh lari daripada menyampaikan suatu perasaan kepada penikmatnya. Pernyataan ini secara tidak langsung menyetujui pandangan Robert Frost apabila beliau menyebut, “*Poetry is when an emotion has found its thought and the thought has found its words*”.

Oleh itu, tidak keterlaluan andai dikatakan di sini bahawa menulis puisi

merupakan sebuah perancangan yang rapi, bukan sahaja untuk menentukan penzahiran perkataan, penyusunan malah permainan emosi. Bhowmik dalam artikel “What is Feel Poetry” (2021) menambah, “*Poems are forms of writings that’s often rich with emotion, and they’re meant to provoke an emotional response from the reader*”. Berpandukan pernyataan Bhowmik ini, pembaca pada akhirnya ialah penerima yang menginterpretasikan makna dan emosi sesebuah puisi yang dihasilkan.

Menyusuri puisi yang disiarkan dalam *Dewan Sastera* Bil.6/2022, hampir kesemuanya mempunyai satu kesamaan iaitu bijak merepresentasikan emosi yang hendak dibawa oleh penulisnya. Puisi bulan Jun ini dimulakan dengan puisi karya Lara MN berjudul “Hari Kita Kehilangan Saku”. Penulis membawa pembaca meneroka kehidupan yang sederhana apabila suatu hari saku yang ada telah hilang. Penulis berkisah mengenai cara hidup yang ringkas dan tidak lagi mengejar kehidupan yang mewah. Penulis menggambarkan hal ini menerusi rangkap berikut:

*Waktu itu pakaian kita
bersih dan mudah rekaannya
tidak perlukan saku
untuk diisi bekal kembara
kerana kita tidak perlu makan
atau singgah minum istirahat
di hotel berbintang kejora
bermandi kolam hangat
atau berwap sauna berasap*

telur berada dalam keadaan baik sehingga tiba ke destinasinya. Keyakinan individu ini ditambah, bahawa segala rintangan (akar-akar tua yang membonjol dan batu-batu berlumut hijau) yang ditemui sepanjang perjalanan menuju destinasi tidak akan menjadi penghalang. Hal ini dapatlah dibaca pada rangkap kedua puisi ini:

*kaki tak tersadung
akar-akar tua
yang membonjol
dari pokok-pokok besar
yang mengapit jalan
tak tersepak batu-batu
diselimuti hijau lumut
di jalan yang kau lalui itu*

Ironinya, meski tajuknya berkenaan “jalan bimbang”, sepertinya penulis cuba membawa pandangan lain. Kebimbangan di sini bukanlah pada jalan yang dilalui oleh individu yang disebut dalam puisi tetapi perkara yang tidak disangka-sangka pada penghujung kisah yang sepatutnya menjadi kebimbangan individu itu. Dapatlah disimpulkan di sini, rasa kebimbangan yang ditakuti oleh individu dalam puisi sebenarnya ialah keyakinan melampau yang dipunyai oleh individu berkenaan. Rasa ini pada akhirnya menafikan bahawa tiada perkara yang mampu menjadi penghalang pada perjalanan dan perancangannya. Rangkap akhir puisi ini dipautkan di bawah:

*bawah ragamu
tiba-tiba pecah
sayur pun jatuh
telur menghanyirkannya*

Puisi nukilan Jack Malik dengan tajuk “Hari Mengikuti Bentuk Dua Patah Kata” pula mempunyai keunikan yang tersendiri. Puisi ini membawa pembaca menelusuri perubahan keadaan hari ke hari. Pada hari tertentu, keadaan digambarkan terang, dilukis warna telang, warna tembaga dan kadangkala redup. Lukisan keadaan ini digambarkan oleh Jack seperti puisi yang

“menyuarakan bahasa yang belum mempunyai suara”. Gambaran alam dalam puisi ini dapat dilihat pada baris-baris berikut:

*hari tembaga.
melengking—matahari.
perlahan hilang.
amuknya lembayung.
kulit angkasa.
mengharumkan langit.
dengan wajah.
karat besi.
serta telang.
paling segar.
benderang—dan.
kau berada.*

Seperti pada tajuknya, puisi ini perlulah dibaca sebaris demi sebaris. Jika puisi ini dibaca sebagai sebuah rangkap, pastinya pembaca akan berasa terkeliru dengan penggunaan tanda baca di setiap hujung baris. Jack membawa pembaca memahami terlebih dahulu baris ke baris berkenaan hal yang berlaku pada setiap hari yang diceritakannya. Namun begitu, setelah puisi ini difahami dari baris ke baris, pembaca akhirnya dapat memahami bahawa setiap hari terhubung antara satu dengan yang lain, dan membentuk sebuah cerita yang lengkap.

Norsamila Samsudin pula hadir dengan puisi berjudul “Hujung Langit Seorang Perempuan”. Penulis dalam puisi ini membawa emosi seorang perempuan yang melankolik dan mencari ketenangan pada perubahan hari. Digambarkan perkara ini dalam rangkap pertama seperti berikut:

*Hujung langit seorang perempuan
tersangkut di pandangan
melihat ubah warna
cerah kepada jingga
Ketika gelap mencelah
sedikit
sedikit
cuma sedikit
sebelum berkuasa sepenuhnya*

Namun begitu, pada rangkap ketiga puisi ini dilihat tidak konsisten dengan pernyataan “kehilangan saku” dua rangkap awalnya. Alangkah baiknya jika penulis terus menceritakan hal yang terjadi pada kehidupan tanpa saku yang sudah baik emosinya. Sedikit suntingan yang baik mampu melicinkan penceritaan puisi ini. Diperturunkan rangkap berkenaan di sini:

*Lalu bagaimana dengan
wang dan harta
yang terisi di poket seluar baju
atau poket beg berjenama kita
yang kita cari selama ini
dari timur sampai ke barat
dari muda sampai ke tua.*

Seterusnya, kita beralih kepada puisi “Jambatan” karya Tan Wei Jer. Puisi ini berkisah mengenai impian penulis untuk menjadi penghubung pada dua bahagian atau pihak yang berlainan ketika sudah menjadi dewasa. Impian indah ini tidak kesampaian pada akhirnya, disebabkan oleh perkara di luar duga. Penulis menggambarkan hal ini menerusi penggunaan baris berbunyi “*sekiranya mimpi limban tidak membengkak/ menjadi sebuah jambatan*”. Puisi ini turut menggabungkan simbol flora fauna yang saling bergantung antara satu sama lain selain menimbulkan ketenangan dalam kalangannya. Emosi yang dibawa oleh penulis sudah ada, cuma pada bahagian tertentu, penggunaan simbolik mengelirukan pembaca.

Penggunaan tanda baca dan membahagikan puisi ke dalam beberapa rangkap juga mampu memperbaiki pengungkapan puisi ini. Contohnya bagi bait “*lembu merentas bendang menajak tanah yang hampir gersang*” jika ditambah tanda baca seperti “*lembu merentas bendang, menajak tanah yang hampir gersang*” akan memberikan jeda ketika

dibaca. Pembahagian rangkap mungkin boleh dibuat kepada tiga bahagian, iaitu permulaan puisi, pertengahan (iaitu banyak unsur simbolik yang digunakan) dan penutup cerita (pada dua bait akhir puisi ini).

Puisi “Sesudah Perayaan Festival” karya Ainunl Muaiyanah Sulaiman pula mempunyai tarikan yang tersendiri. Menerusi puisi ini, saudara penulis membawa kita melalui suatu persoalan besar terhadap pernyataan yang tidak menghadirkan sebarang jawapan seperti yang diharapkan oleh hadirin atau audiens yang hadir ke festival itu. Hadirin dan penonton keliru tanpa penjelasan yang pasti mengenai pertanyaan yang bergulir di minda. Keistimewaan penulis dalam menukilkan puisi ini adalah daripada pemilihan kata yang ringkas, tepat dan sesuai dengan emosi yang cuba dihidangkan kepada pembaca. Terutamanya pada rangkap kedua berikut:

*Audiens berbisik, kepada siapakah?
Mereka melihat tubuh melayang
sebu digasak udara dipencar silau.*

Selain itu, bahagian ketiga juga segar dengan perincian penulis terhadap sifat alatan yang digambarkan. Kerusi dan layar seakan-akan diberikan “roh” dan “hidup” dalam dunia puisi ini. Perkataan ‘*meringkik*’ dan ‘*memegun*’ digunakan dalam konteks ini. Bahagian ini adalah seperti yang berikut:

*Kerusi meringkik, layar warna memegun.
Tiada berani hidup sesudah malam ini,
perayaan telah tamat sebelum bermula.*

Seterusnya, puisi karya Mohamad Shahidan berjudul “Di Jalan Kau Bimbang Itu”. Puisi ini membawa cerita mengenai keyakinan seorang individu bahawa raga (bakul) yang telah disusun sayur dan

Penggunaan perkataan diikuti oleh susunan yang baik dan mampu membawa pembaca turut berada dalam keadaan penuh keadilan dan kekotoran siasah.

Namun begitu, perulangan perkataan sedikit sebanyak dua kali dan diikuti dengan “*cuma sedikit*” pada baris ketiga, seperti mengganggu. Barangkali penulis hendak memperincikan pergerakan yang begitu perlahan ataupun hanya sedikit perubahan berlaku, namun dilihat seperti kurang sesuai berada pada baris ketiga berkenaan. Penyuntingan pada baris ketiga tidak mencatatkan maksud yang cuba dibawa pada baris seterusnya.

Begitu juga puisi ini akan menjadi lebih baik jika tanda baca yang betul ditambah pada perubahan “*cerah kepada jingga. Ketika gelap mencelah*” dan pada rangkap kedua pada “*dia berbisik. Di situ*”. Penggunaan huruf besar yang tiba-tiba akan mengganggu sesebuah puisi jika tidak disertakan tanda baca mahupun sebab mengapa perkara ini diperlukan. Begitu juga dengan pemerenggan pada rangkap kedua boleh diperbaiki. Monolog boleh sahaja dibiarkan pada baris bebas tanpa terhubung dengan perenggan tertentu. Membiarkan baris ini wujud sendiri menekankan kepentingannya dalam sesebuah penceritaan puisi. Namun begitu, cadangan ini terpulang kembali kepada penulis sama ada baik untuk karyanya atau tidak.

Puisi ini ditutup dengan kesayuan dan dilihat berjaya mengakhirkan ceritanya dengan baik. Baris-baris ini dikongsi dengan pembaca:

*Di situ
hatinya direhatkan
menyimpan lelah sepanjang zaman.*

Puisi terakhir yang disiarkan ialah karya penyair Marsli N.O berjudul “Tanpa Tajuk”. Puisi ini mengisahkan para marhaen yang tidak mempunyai hak dalam bersuara dan terpenjara dalam dunia yang dibina oleh para birokrat. Para marhaen yang dipasung tangan dan kaki dengan rantai membina penjelasan birokrat mengenai orang dari negara Barat, yang dibawa masuk beramai-ramai ke negara mereka. Para birokrat menjawab kerana golongan ini membawa banyak keuntungan kepada negara.

Oleh itu, golongan dari Barat dilayan baik dan diberikan kemudahan. Dalam pada itu,

golongan marhaen yang dipasung masih tidak menerima keadilan dan terus berada dalam penguasaan golongan birokrat. Diperturunkan baris yang menyatakan hal ini seperti di bawah:

“Tetapi siapa berpesta di luar?” tanya bergaung di dalam mimpi senyap para marhaen. berbaur dengan bising suara pesawat mengangkut pengungsi dari negeri di atas angin.

“kerana mereka penjana mahsul!” teriak seseorang. di sebalik topeng. melindungi danur yang meleleh. dari otaknya.

“ruang semakin pengap. kami kian mual. melahap angin!” teriak para marhaen. di antara lengking suara rantai diseretkan di lantai. dan kawat yang bergulung.

Puisi ini digubah dalam bentuk naratif dan berjaya membawa emosi pengap, terkurung, tidak berdaya, dan dikuasai oleh golongan birokrat. Pembaca turut terseret dalam warna dan suasana yang tidak selesa dan mahukan kebebasan serta hak yang sepatutnya. Di sini juga, penggunaan perkataan diikuti oleh susunan yang baik dan mampu membawa pembaca turut berada dalam keadaan penuh kezaliman dan kekotoran siasah.

Secara keseluruhan, puisi-puisi yang dihidangkan dalam *Dewan Sastera Bil.6/2022* baik dan berkesan membawa emosi yang digubah oleh penulisnya. Di sini jelaslah, pemilihan perkataan yang tepat akan berjaya mengheret pembaca untuk sama-sama berada dalam situasi dan keadaan sesebuah puisi. Tidak dinafikan, terdapat juga beberapa kesalahan yang dikira tidak begitu besar dan boleh diperbaiki oleh para penulis pada masa hadapan. Penggunaan tanda baca dan pemerenggan yang baik serta berkesan, mampu memberikan kelainan kepada sesebuah puisi.

Puisi ialah susunan terbaik dengan kata-kata terbaik. Oleh itu, penyusunan dan pemilihan kata yang baik bukan sahaja menghadirkan kesan yang berbeza pada puisi yang dicipta, tetapi mampu menggugah pembaca untuk turut sama-sama merasakan emosi yang cuba dibawakan. ■